

# Hadis Palsu: Ramai yang tertipu!

**S**ETIAP kali musim perayaan sudah pasti ada promosi jualan harga runtuh yang menawarkan harga barangan lebih murah berbanding biasa dan diselitkan juga berbagai-bagai ganjaran berupa hadiah istimewa bagi menarik minat pembeli. Siapa yang tidak teruja melihatkan tawaran dan ganjaran yang menarik, sudah pastilah berpusu-pusu orang ramai datang menyerbu ke kompleks membeli belah yang menawarkan harga dan ganjaran istimewa.

Senario yang sama juga turut berlaku pada bulan-bulan tertentu dalam Islam, iaitu bulan yang dikatakan penuh berkat dan istimewa yang dikurniakan Allah pada hamba-Nya. Situasinya sama, ada promosi berupa tawaran dan ganjaran, bezanya bukannya tawaran harga atau jualan istimewa, tetapi tawaran ganjaran pahala yang besar.

Perkara ini dapat dilihat pada hampir kebanyakan masjid dan surau setiap kali tiba bulan-bulan tersebut. Penceramah dan ustaz yang dijemput de-

ngan nada bersemangat dan penuh yakin menerangkan kepada ahli jemaah tentang ganjaran melakukan amalan yang khusus pada bulan-bulan tertentu serta kelebihan dan keistimewaannya. Buku-buku agama yang menjengah di pasaran juga banyak menerangkan perkara yang sama. Tidak terkecuali stesen-stesen radio dan televisyen.

Yang pastinya, sambutan masyarakat Islam sangat menggalakkan. Semuanya berebut-rebut melaksanakan amalan-amalan tersebut, dengan satu tujuan-tidak mahu terlepas ganjaran yang ditawarkan!

Timbul persoalan, pastikah mereka dengan ganjaran-ganjaran tersebut? Bukan untuk mempertikaikan apa yang dijanjikan oleh Allah kepada hamba-hamba-Nya yang beriman, tetapi isunya berlegar dari skop kesahihan nas yang dijanjikan oleh penceramah juga yang disampaikan melalui bahan bacaan.



Dr. Mohd. Fauzi Amin

Dan tahukah mereka, selama ini mereka telah dilambakkan dengan hadis yang direka-reka atau hadis palsu serta hadis yang mempunyai sanad yang lemah. Dan selama itulah mereka beramal dengannya!

Bukan tidak mahu menggalakkan masyarakat Islam beramal dan memperbanyakkan ibadah. Tetapi dalam beramal pastikan sumbernya sah agar kita tidak terus bergelumbang dengan keyakinan yang salah di sisi syarak.

Mungkin persoalan ini perlu dilonarkan kepada masyarakat. Berapa ramai yang tahu bahawa tidak ada amalan atau ibadat khusus yang disunatkan seperti menghidupkan malam Nisfu Syaaban dengan solat dan doa tertentu dan berpuasa pada siang harinya. Begitu juga dengan kelebihan pada bulan Rejab dan fadilat malam pertama hingga malam terakhir Ramadan serta ganjaran dan pahala yang terlalu besar

## Kesan hadis palsu

MEMBICARAKAN kesan penyebaran hadis palsu dalam masyarakat, Dr. Fauzi menjelaskan, "penyebaran hadis-hadis palsu ini boleh membawa kesan yang amat besar kepada umat Islam meliputi semua aspek terutama dari sudut akidah, syariat, akhlak, ibadat dan sebagainya. Sebagai contoh, banyak hadis-hadis palsu yang berkait dengan soal akidah bukan berpandukan ajaran Islam. Contohnya hadis yang bermaksud, "Sekiranya kamu beriktikad pada sesuatu batu maka batu itu akan beri manfaat pada kamu." Jelas ada ciri-ciri penyembahan berhala dalam hadis ini.

Bahkan banyak hadis berunsur bidaah dalam ibadat dan kelebihan-kelebihan amalan yang menjadi amalan kebiasaan umat Islam negara kita. Ini akan membuatkan umat Islam menjadi malas untuk melakukan amal ibadat gara-gara menumpukan hari dan bulan-bulan tertentu untuk mengharap ganjaran dan pahala yang besar.

"Hadis palsu boleh menyebabkan umat Islam lemah dan mundur kerana ada hadis-hadis palsu yang menolak keduniaan. Ini akan melemahkan status umat Islam dan tidak dapat bersaing dengan penganut ajaran lain dalam semua aspek kehidupan kerana lebih mengutamakan akhirat dan mengabaikan perkara-perkara keduniaan.

"Bahkan melemahkan akal fikiran kerana terlalu mengambill berat perkara yang tidak ada kepentingan dan faedah kepadanya. Di samping boleh merosakkan kepercayaan dan melemahkan apa yang ada dalam al-Quran dan hadis sahih. Paling malang, membawa kekeliruan pemikiran umat Islam yang akhirnya menjurus pada perpecahan umat Islam." katanya.

### SEKAT HADIS PALSU DARI TERSEBAR LUAS

Menurut Dr. Fauzi, semua pihak perlu menggembelng tenaga agar hadis-hadis palsu ini tidak tersebar luas. Pihak berwajib harus memantau dan mengambil tindakan menyekat penyebarannya. Begitu juga institusi agama, golongan agama dan Badan Bukan Kerajaan (NGO)

Islam perlu memberikan pendedahan tentang hadis-hadis palsu yang tersebar dan menjadi rujukan umat Islam di negara ini.

"Pihak universiti juga perlu membuat kajian mengenai hadis-hadis palsu yang tersebar dalam masyarakat sebagai rujukan agar umat Islam tidak keliru dan mengguna pakai hadis-hadis tersebut. Pihak USIM sendiri menerusi Jabatan al-Quran dan Sunah, telah membuat kajian mengenai hal ini," ujarnya.

Menurutnya lagi, kepada pendakwah dan penceramah agama, janganlah sewenang-wenangnya mengambil

**“ kepada pendakwah dan penceramah agama, janganlah sewenang-wenangnya mengambil hadis tanpa mengkaji kesahihan sesebuah hadis kerana masyarakat mudah percaya dengan kata-kata mereka ”**

hadis tanpa mengkaji kesahihan sesebuah hadis kerana masyarakat mudah percaya dengan kata-kata mereka. Manakala bagi individu, perlu berusaha untuk mendapatkan ilmu terutamanya berkaitan dengan ilmu hadis agar tidak mudah terpedaya dan tertipu!

Yang penting, penularan hadis-hadis palsu perlu disekat segera. Jangan sampai masyarakat Islam melakukan sesuatu amalan dengan harapan untuk mendapat pahala, sedangkan dosa besar pula yang diperoleh akibat menyebar dan beramal dengan hadis palsu.

Umat Islam wajib memandang berat perkara seperti ini demi menjaga kesucian hadis nabi yang menjadi sumber kedua perundangan Islam selepas al-Quran. Janganlah umat Islam mudah terpedaya dengan dakwaan palsu yang disandarkan kepada Rasulullah, sedangkan ia langsung tidak ada hubungan dengan baginda.

### PENDUSTAAN TERHADAP RASULULLAH

Sudah banyak kali dibincangkan dan didedahkan mengenai hadis palsu. Tetapi mengapa ia masih lagi tersebar di kalangan umat Islam di negara kita? Malah dilakukan secara terang-terangan dan begitu meluas sekali. Mungkinkah telah menjadi satu kebiasaan di kalangan penceramah, ustaz atau penulis buku-buku agama menyampai-

Menurut Dr. Yusof al-Qaradhawi, berdasarkan kaedah syarak, tidak dibolehkan untuk menentukan sesuatu hari khusus untuk berpuasa atau sesuatu malam yang tertentu untuk dihidupkan dengan ibadat tanpa bersandarkan kepada nas syarak, kerana sesungguhnya urusan ibadat ini bukanlah urusan yang sesiapa pun berhak menentukannya, tetapi ia adalah hak Allah semata-mata.

walaupun tidak sepadan dengan amalan yang dilakukan.

Pernahkah kita terfikir, segala perkara yang melibatkan soal pahala, keberkatan, fadilat dan kelebihan adalah hak milik kekal Allah s.w.t. Tidak ada seorang makhluk pun yang boleh mendakwa dan menjanjikan sebarang fadilat atau keberkatan tertentu dengan mengada-adakan amalan yang tidak pernah dilakukan oleh Rasulullah s.a.w. dan para sahabat.



**Beramal kerana ikhlas pada Allah, bukan kerana mengharap ganjaran.**

berikan amaran keras terhadap orang yang berdusta ke atasnya sebagaimana sabdanya dalam hadis yang diriwayatkan oleh al-Bukhari dan Muslim yang bermaksud, "Sesungguhnya berdusta ke atas ku (menggunakan nama ku) bukanlah seperti berdusta ke atas orang lain (menggunakan nama orang lain). Sesiapa yang berdusta ke atas ku dengan sengaja, maka siaplah tempat duduknya dalam neraka."

Berhubung hal ini, jelas Dr. Fauzi, bukan saja membuat hadis palsu dalam semua perkara melibatkan akidah, syariat, ibadat, akhlak, hukum-hakam dan sebagainya itu hukumnya haram. Sekiranya tidak sengaja ataupun disebabkan jahil, maka kesalahannya dimaafkan tetapi tetap dikira berdosa disebabkan kejahilannya sebagaimana yang ditetapkan oleh jumur ulama.

"Setengah ulama menjatuhkan hukuman takzir terhadap kesalahan menyebarkan hadis palsu dan Imam Bukhari mengatakan wajib dihukum sebat dengan keras dan dipenjarakan dalam tempoh waktu yang panjang. Manakala orang yang meriwayatkan hadis palsu dan dijelaskan tentang status hadis tersebut tidak menjadi kesalahan dan itulah sebaik-baiknya kerana menambahkan ilmu pengetahuan kepada orang ramai," katanya.

Imam al-Zahari dalam bukunya al-Kabair (dosa-dosa besar) meletakkan kesalahan mencipta, meriwayatkan dan menyebarkan hadis palsu sebagai salah satu dari 70 dosa-dosa besar. Abu Muhammad al-Juwaini pula mengatakan, boleh jatuh kufur kepada sesiapa yang sengaja mendustai Rasulullah dan pendapatnya itu disokong oleh Ibn Jauzi.

Namun ada pula pendapat yang mengatakan hanya haram jika melibatkan soal akidah dan hukum halal dan haram. Tetapi, bagi perkara yang boleh menggalakkan umat Islam melakukan amal ibadat dibolehkan dan tidaklah jatuh kufur, sepertimana pendapat al-Karamiah yang mengharuskan penggunaan hadis-hadis palsu dalam soal kelebihan beramal dan tarhib dan tarhib. **A**

kan hadis-hadis Rasulullah s.a.w. tanpa memerhatikan sumber dan darjatnya? .

Menurut Timbalan Dekan, Jabatan al-Quran dan Sunnah Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Dr. Mohd. Fauzi Amin, seharusnya golongan penceramah, imam, ustaz atau penulis buku-buku agama berhati-hati agar tidak menjadi agen penyebaran hadis-hadis palsu.

"Ada beberapa perkara yang perlu diambil kira dalam menilai sesebuah hadis yang didakwa atas nama Rasulullah s.a.w. iaitu, haruslah diteliti pada sanadnya, hendaklah diperiksa kewibawaan perawi yang meriwayatkan hadis itu sama ada seorang yang jujur atau pembohong berdasarkan latar belakang hidupnya untuk menentukan status sesuatu hadis sama ada sahah, daif atau palsu.

"Contohnya, ada di antara perawi yang mengakui hadis yang diriwayatkan adalah ciptaan sendiri, seperti Abu Isma' Nuh bin Abi Maryam yang mengaku mencipta hadis yang disandarkan pada Ibn Abbas tentang kelebihan surah-surah dalam al-Quran. Abu Karim bin Abi Aujad juga mengaku mencipta sebanyak 4000 hadis berhubung perkara yang melibatkan hukum halal dan haram dan banyak lagi.

"Begitu juga kandungan matannya, harus diperiksa terlebih dahulu bagi memastikan ia selaras dengan ayat al-Quran dan hadis yang lain serta bersesuaian dengan prinsip Islam. Sekiranya bercanggah maka ia perlu diketepikan dan sekiranya menepati dengan prinsip Islam, perawinya perlu dinilai terlebih dahulu untuk menentukan sahah atau tidak hadis tersebut," ujarnya.

Tambahnya lagi, "tanda-tanda hadis maudhu atau palsu ini boleh dilihat berdasarkan beberapa ciri seperti, maksud hadis bercanggah dengan al-Quran sama ada secara tersurat atau tersirat. Hadis yang bercanggah dengan prinsip Islam, umpamanya hadis yang mengatakan bersalam sambil mengucapkan sesuatu perkataan boleh membawa masuk syurga. Walhal dalam prinsip Islam, untuk masuk ke syurga Allah, ia diukur melalui amalan dan takwa seseorang kepada Allah."

Jelas Dr. Mohd. Fauzi, hadis yang menjanjikan ganjaran dan pahala yang besar yang tidak sepadan dengan amalan yang dilakukan juga antara ciri-ciri hadis palsu. Contohnya, mendapat 1000 pahala dan masuk syurga kerana menuangkan air kepada suami dan lain-lain lagi.

"Inilah antara kesilapan yang kerap dilakukan oleh umat Islam. Apa saja yang dikenali sebagai hadis, maka terus sahaja dianggap sebagai benar-benar berasal dari perkataan, pengakuan atau perbuatan Rasulullah. Padahal apabila disemak kebanyakan darinya tidak memiliki asal usulnya atau memiliki darjat yang tidak menepati disiplin ilmu hadis sehingga tidak dapat disandarkan kepada Rasulullah.

"Sedangkan ucapan Rasulullah adalah wahyu yang berasal dari Allah s.w.t. sebagaimana firmannya dalam surah al-Najm ayat 3-4 yang bermaksud, *"Dan dia (Mubammad) tidak memperkatakan (sesuatu yang berhubung dengan Islam) menurut kemahuan dan pendapatnya sendiri. Segala yang diperkatakannya itu (sama ada al-Quran atau hadis) tidak lain banyalah wahyu yang dirwabyukan kepadanya,*" ujarnya.

Tahulah kita, Rasulullah telah mem-

# Sebab-sebab hadis palsu dicipta



Tanggungjawab penceramah harus memastikan setiap nas yang di petik bukan dari kategori hadis palsu. - Gambar hiasan

Antara sebab-sebab hadis palsu dicipta adalah kerana;

**1 Politik:** setelah Rasulullah wafat, berlaku pertelingkahan dan perbezaan pendapat tentang jawatan khalifah, keadaan ini berlanjutan sehinggalah membawa pembunuhan Saidina Uthman. Dari situ juga bermulanya fenomena penyebaran fitnah besar dan timbul hadis-hadis palsu dalam usaha menarik sokongan dan mendakwa golongan mereka di pihak yang benar dalam memperjuangkan Islam. Akhirnya membawa pada perpecahan umat Islam.

**2 Taasub:** perasaan taasub dan semangat asabiah pada bangsa, bahasa dan negeri menyebabkan terciptanya hadis-hadis palsu untuk mengagung-agungkan sesuatu bangsa, bahasa dan negeri.

**3 Musuh Islam:** golongan yang memusuhi Islam seperti zindiq dan munafik sengaja mencipta

hadis palsu berkaitan soal akidah, syariat, hukum-hakam, ibadat, akhlak dan lain-lain yang bertujuan merosakkan umat Islam secara halus.

**4 Ahli bidaah dan golongan zuhud:** golongan ini berpendapat hadis boleh dicipta dengan tujuan memberi galakan supaya rajin beramal ibadat. Caranya dengan menerangkan tentang kelebihan amalan (fadhail amal) dan ancaman supaya menjauhi segala larangan Allah.

**5 Percanggahan persoalan fiqh dan akidah:** keadan ini membawa pada wujudnya hadis-hadis palsu yang bertujuan menyokong pandangan sesuatu mazhab atau pegangan sesuatu aliran berhubung perkara tersebut.

**6 Kepentingan diri:** para dongeng dan penglipur lara banyak mencipta hadis palsu yang berupa kisah-kisah teladan dan peringatan bertujuan menarik perha-

“  
Keghairahan untuk mencipta nama sebagai perawi hadis juga mendorong hadis palsu dicipta dan terdapat segelintir ulama duniawi yang digelar 'ulama su' yang sanggup memutarbelitkan kebenaran dengan membuat hadis palsu untuk kepentingan dunia  
”

tian orang ramai. Keghairahan untuk mencipta nama sebagai perawi hadis juga mendorong hadis palsu dicipta dan terdapat segelintir ulama duniawi yang digelar 'ulama su' yang sanggup memutarbelitkan kebenaran dengan membuat hadis palsu untuk kepentingan dunia dan mendekatkan diri dengan pihak penguasa. <sup>A</sup>